

Lewat buat subsidi bersasar punca Indeks WCR jatuh

Ekonomi negara kekal stabil, Anwar nafi pendirian keras beberapa isu jejas kedudukan

Oleh **Latifah Ariffin, Mohd Nasaruddin Parzi dan Farah Marshita Abdul Patah**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ekonomi Malaysia secara umumnya kekal stabil berdasarkan laporan Indeks Daya Saing Dunia (WCR) 2024 oleh Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Pengurusan (IMD), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kelewatan pelaksanaan penyasaran subsidi menjadi antara punca kejatuhan Malaysia dalam indeks berkenaan.

Katanya, laporan itu mengambil kira beberapa faktor yang menyumbang kepada kejatuhan Malaysia, antaranya prestasi ringgit dan pengurusan ekonomi.

“Selepas pandemik COVID-19, pertumbuhan ekonomi kita telah melonjak naik daripada ambang yang sangat rendah yang mana prestasi berikutnya adalah terlalu

rendah berbanding sebelumnya.

“Kedua, prestasi ringgit pada 2023 sangat lemah dan ketiga, Malaysia dikatakan tidak tegas dalam soal perbelanjaan.

“Dalam keadaan perbelanjaan kita meningkat dan defisit membengkak, kita masih meluluskan beberapa peruntukan tambahan yang lebih,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Perdana Menteri menjawab soalan Afnan Hamimi Taib Azamuddin (PN-Alor Setar) mengenai strategi kerajaan susulan kejatuhan kedudukan Malaysia ke tangga ke-34 dalam Indeks Daya Saing Dunia 2024.

Anwar berkata, kelewatan Malaysia melaksanakan penyasaran juga dianggap sebagai kelemahan.

Teguran agak keras

“Perincian laporan itu, di antara teguran agak keras yang menyebabkan kita merosot adalah kerana kelewatan kita, kurang tegas kita, dalam pelaksanaan dan penyasaran subsidi.

“Ketiga-tiga perkara ini kita ambil perhatian walaupun saya setuju perkara lain kita teliti supaya dapat kita perbaiki.

“Pertama soal pertumbuhan ekonomi lebih baik, kedua ringgit lebih mengukuh dan ketiga penyasaran subsidi dalam soal ayam, diesel yang sudah dilaksanakan,” katanya.

Anwar menafikan pendirian

keras Malaysia dalam beberapa isu antaranya hubungan dengan China, Iran dan Hamas menjejaskan kedudukan negara.

“Saya tidak fikir ini tepat kerana laporan ini masih berdasarkan kepada angka-angka walaupun agak keras kepada Malaysia.

“Namun, saya setuju bahawa semua pihak termasuk saya dan Jemaah Menteri semuanya harus memperbaiki prestasi dan saya terima baik teguran itu,” katanya.

Menjawab soalan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) bahawa pemberian subsidi sudah lama dilaksanakan dan tidak menjejaskan kedudukan Malaysia sebelum ini, Anwar menjelaskan ia berikutan belum berada dalam kerangka laporan IMD.

Katanya, laporan IMD yang terakhir menetapkan penyelaraan subsidi.

“Itu sebabnya Indonesia dalam dua tahun yang lalu, mengambil tindakan agak keras dalam soal harga beras, tepung dan gula.

“Prestasi negara itu jatuh berbanding Malaysia, begitu juga dengan harga barang di Thailand.

“Malaysia (jatuh) kerana subsidi dikatakan sebagai penawar ekonomi yang tidak realistik kerana harga semuanya rendah berbanding harga pasaran. Itu yang ditegur, jadi kita akan laksanakan,” katanya.